

## **MEMBAIKI TULISAN MURID TAHUN 3 DALAM MATA PELAJARAN BAHASA CINA DENGAN KAEDAH ANSUR MAJU**

Oleh

**Juliana Ling Chu Chen**

### **ABSTRAK**

*Dalam kajian ini, saya menengahkan masalah yang dihadapi oleh 23 orang murid dari kelas Tahun 3 di SJK (C) SST. Masalah yang dihadapi oleh kelas tersebut ialah tulisan cakar ayam. Kajian tindakan yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk membantu murid dalam kelas Tahun 3 menulis dengan teratur dan kemas. Kaedah ansur maju merupakan kaedah murid mempelajari kemahiran menulis secara beransur-ansur yang bermula dengan langkah paling asas dan kemudian beralih kepada langkah yang lebih sukar sehingga mereka menguasai kemahiran menulis. Beberapa instrumen seperti soalan temu bual, borang soal selidik, borang taburan keputusan murid dan borang pemerhatian telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Data kemudian dianalisis menggunakan peratus dan bilangan. Secara keseluruhannya, kajian mencadangkan kaedah ansur maju mempunyai kesan dalam membaiki tulisan murid. Kebanyakan murid berpandangan kaedah ansur maju yang dipilih sesuai dalam membaiki tulisan mereka agar menjadi kemas dan teratur.*

### **1.0 Siapa Saya**

Saya adalah guru pelatih yang menjalani praktikum Fasa 2 di SJK(C) SST selama 6 minggu. Terdapat 14 orang guru (termasuk guru besar dan 3 orang penolong kanan) di sekolah ini. Bilangan kelas ialah enam buah untuk Tahun 1 hingga Tahun 6. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah pedalaman kerana jauh daripada bandaraya Kuching. Saya telah diberi tanggungjawab untuk mengajar Bahasa Cina dan Pendidikan Jasmani Tahun 3 dan Tahun 4. Setelah mengajar kelas Tahun 3 selama seminggu, saya mendapati tulisan murid-murid kelas ini adalah seperti cakar ayam. Tulisan mereka buruk, bengkok bengkok, tidak menulis mengikut garisan yang terdapat pada buku latihan dan saiz antara perkataan tidak sama. Tulisan mereka juga sukar untuk dibaca.

Antara kesilapan gaya penulisan yang sering didapati dalam kalangan murid ini ialah cara memegang pensel yang tidak betul, kedudukan tangan dan buku yang tidak betul, saiz antara perkataan yang tidak konsisten, ruang antara perkataan yang tidak tepat dan tidak dapat menulis perkataan dengan “bi shun“ (笔顺) yang betul. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk membantu murid-murid Tahun 3 membaiki tulisan mereka agar menjadi kemas dan teratur.

## **1.2 Keprihatinan Saya**

Selepas mengajar seminggu di kelas Tahun 3, saya mendapati kebanyakan tulisan murid kelas tersebut adalah cakar ayam. Hal ini adalah berasaskan lembaran kerja yang dihantarkan oleh murid-murid untuk disemak guru. Tulisan murid yang cakar ayam menyukarkan guru untuk membaca dan menyemak. Pada pendapat saya, situasi ini berlaku adalah disebabkan murid-murid tidak didedahkan dengan teknik-teknik atau strategi penulisan yang betul sejak awal lagi. Menurut Levine (1987), cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan. Tulisan yang cantik dan mudah dibaca adalah aset yang sangat berharga dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, guru di sekolah memainkan peranan yang penting untuk membaiki tulisan murid. Guru harus mengajar murid cara menulis dengan kaedah atau teknik yang betul.

Justeru, saya pun berfikir tentang bagaimanakah saya dapat membantu murid-murid Tahun 3 agar menulis dengan teratur dan kemas? Kajian yang dijalankan oleh Norizan Bt Esa (2005) yang bertajuk "Kemahiran menulis secara kaedah ansur maju" menunjukkan bahawa mengajar kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak menggunakan kaedah ansur maju membolehkan kanak-kanak menulis dengan lebih kemas, teratur serta kurang kesilapan berlaku. Saya pun memutuskan untuk menggunakan kaedah ansur maju dalam membaiki tulisan murid-murid Tahun 3 agar menjadi kemas dan teratur.

## **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan kaedah ansur maju dalam membantu murid-murid menulis dengan teratur dan kemas dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Kaedah ansur maju merupakan usaha saya menambahbaik amalan sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) menulis.

## **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut.

- Apakah kesan kaedah ansur maju terhadap tulisan murid-murid Tahun 3?

## **2.0 Tindakan Saya**


Selama seminggu saya mengajar mata pelajaran Bahasa Cina Tahun 3, saya mendapati kebanyakan murid kelas tersebut tidak dapat menulis dengan kemas dan teratur. Ini mungkin disebabkan oleh murid-murid yang tidak didedahkan tentang teknik dan strategi penulisan yang betul sejak awal lagi. Sassoon (1993) mendapati guru kurang memberi penekanan kepada pengajaran menulis di kelas khususnya dari segi cara memegang alat tulis dengan betul, menulis perkataan mengikut pergerakan yang betul, menentukan saiz perkataan dan menentukan ruang antara perkataan.

Mengikut beliau lagi, teknik penulisan yang betul tidak disampaikan kepada murid semasa pengajaran berlangsung dan ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan murid mempunyai tulisan yang buruk serta cakar ayam.

Untuk membantu 23 orang murid dalam kelas Tahun 3 menulis dengan kemas dan teratur, saya telah menggunakan kaedah ansur maju. Saya telah menggunakan masa selama 2 jam untuk menjalankan kaedah ansur maju tersebut. Langkah-langkah dalam kaedah ansur maju adalah seperti berikut.

### **Langkah 1:**

Pada mulanya, saya telah menjadi *role model* kepada murid. Saya menunjukkan kepada mereka cara memegang pensel yang betul. Saya kemudian melatih mereka memegang pensel mengikut cara yang telah ditunjuk cara.



Rajah 1: Cara memegang pensel yang betul

### **Langkah 2:**

Semasa langkah ini, saya melatih murid menulis dengan kedudukan tangan dan buku latihan yang sesuai dan selesa. Saya menunjukkan kedudukan tangan dan buku latihan semasa menulis. Kemudian, saya meminta murid mencontohi tindakan yang telah ditunjukkan. Mereka dikehendaki mempraktik sehingga menguasai kemahiran tersebut.




Rajah 2: Kedudukan tangan dan buku ketika menulis

### **Langkah 3:**

Sebagai langkah ketiga, saya telah mengajar murid menulis perkataan yang mudah iaitu “**bi hua**” (笔画). Saya telah menunjukkan cara menulis “**bi**


**hua**” (笔画) dengan betul dan murid-murid dikehendaki memerhati dengan teliti. Kemudian, murid dikehendaki mencontohi tindakan saya dan berlatih menulis dalam kertas latihan berpetak yang disediakan sehingga dapat menulis dengan kemas dan teratur seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.



Rajah 3: Cara menulis “bi hua” (笔画)

#### Langkah 4:

Untuk langkah keempat, saya menunjukkan cara menulis perkataan dengan “bi shun” (笔顺) yang betul. Kemudian saya meminta murid mencontohi tindakan saya dalam petak yang disediakan secara berulang-ulang sehingga menguasainya seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.



Rajah 4: menulis perkataan 部,页,录 dengan “bi shun” (笔顺) yang betul

#### Langkah 5:

Untuk langkah ini, saya telah menunjukkan cara menulis perkataan dalam kotak iaitu “tian zi ge” (田字格) satu langkah demi satu langkah supaya murid dapat memerhati dengan teliti dan mengikuti tindakan yang ditunjukkan. Cara ini bertujuan membantu murid menulis perkataan dengan saiz yang sesuai dan seimbang selain mengatasi tulisan murid yang bengkok-bengkok semasa menulis perkataan dalam buku latihan satu baris. Saiz perkataan perlu konsisten dan disesuaikan dengan ruang yang disediakan. Saiz yang terlalu kecil menyukarkan pembaca dan saiz yang terlalu besar menghasilkan tulisan yang buruk. Saya telah meminta murid belajar menulis dalam kertas latihan kotak yang disediakan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.

酸 申 爽 列 依

Rajah 5: Saiz perkataan yang sesuai

**Langkah 6:**

Langkah keenam mengkehendaki saya menunjukkan ruang betul antara perkataan. Saya telah menulis satu ayat pada papan hitam dan telah menunjukkan ruang yang betul antara perkataan. Murid dikehendaki memerhati dengan teliti. Kemudian, murid berlatih pada kertas latihan yang disediakan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6. Ruang yang tidak sesuai menghasilkan tulisan yang buruk dan kadang-kadang tidak memberi makna yang tepat.

痛 调 排 搬 鼓

Rajah 6: Ruang di antara perkataan

**Langkah 7:**

Langkah ketujuh dilaksanakan selepas murid boleh menulis perkataan dengan kemas dan baik. Saya melatih mereka menulis rangkai kata pula seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7. Murid dikehendaki menulis dalam kertas latihan yang disediakan.

鼓 棒 酸 痛 部 分 曲 调

Rajah 7: Menulis rangkai kata

**Langkah 8:**

Langkah kelapan dijalankan apabila murid sudah dapat menulis rangkai kata dengan betul, tepat dan kemas. Langkah yang seterusnya adalah meminta murid menulis ayat yang mudah pada kertas latihan yang disediakan. Ayat tersebut adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8.

我和阿强带着鼓棒参加为期一周的“欢乐音乐营”。

Rajah 8: Menulis ayat mudah

**Langkah 9:**

Setelah murid sudah dapat menulis perkataan, rangkai kata dan ayat mudah dengan kemas dan teratur, maka langkah seterusnya ialah meminta murid menyalin perenggan yang pendek seperti yang ditunjukkan pada Rajah 9 pada kertas latihan yang disediakan.

我和阿强带着鼓棒参加为期一周的“欢乐音乐营”。营员们都能得到一本 30 页印刷精美的歌本。大家都非常的踊跃参加，我们连续打鼓，双手酸痛极了！可是大家都很努力练习。最后集体表演，大家都配合得天衣无缝呢！

Rajah 9: Perenggan pendek

### **3.0 Metodologi**

#### **3.1 Reka bentuk kajian**

Dalam bahagian ini, saya akan menceritakan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya, kajian tindakan ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Saya percaya pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam kajian tindakan ini dapat membolehkan saya memperoleh maklum balas dan maklumat tentang kesan kaedah ansur maju yang digunakan.

#### **3.2 Peserta Kajian**

Peserta kajian ini terdiri daripada 10 orang lelaki dan 13 orang perempuan murid Tahun 3. Kajian ini melibatkan kesemua murid Cina dalam kelas Tahun 3.

#### **3.3 Teknik Mengumpul Data**

Data kajian ini telah dikumpul berasaskan sumber seperti soalan temu bual, latihan dan borang taburan keputusan murid selepas kaedah ansur maju dilaksanakan, borang pemerhatian dan soal selidik. Kajian ini dimulakan apabila saya menjalankan temu bual dengan murid-murid untuk memahami murid secara lebih mendalam dan meneroka maklumat agar dapat membaiki tulisan murid-murid Tahun 3. Selain itu, latihan juga telah diberikan kepada murid semasa kaedah ansur maju dijalankan untuk mengetahui sama ada murid menguasai teknik yang diajar. Murid juga dikehendaki menyatakan pendapat mereka terhadap soalan terbuka yang dikemukakan melalui soal selidik.

Borang taburan keputusan murid diberikan untuk mengetahui bilangan murid yang dapat menulis dengan betul dan salah selepas kaedah ansur maju dijalankan. Borang pemerhatian guru juga digunakan untuk mengesan sama ada kaedah ansur maju digunakan oleh murid-murid semasa menulis.


#### **3.4 Teknik Menganalisis Data**

Saya telah menganalisis data soalan temu bual, latihan, borang taburan keputusan murid selepas kaedah ansur maju dilaksanakan, borang pemerhatian dan soal selidik.


#### 4.0 Dapatan Kajian dan Refleksi

Untuk memperbaiki tulisan murid supaya menjadi kemas dan teratur, saya telah menggunakan kaedah ansur maju iaitu bermula daripada langkah yang paling asas sehinggalah kepada langkah yang lebih sukar. Daripada analisis soalan temu bual, didapati kebanyakan murid dalam kelas Tahun 3 mempunyai tulisan cakar ayam kerana bilangan mereka yang kurang membaca dan menulis. Kebanyakan ibu bapa murid sibuk bekerja dan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk mengajar anak mereka menulis sejak kecil. Selain itu, ibu bapa yang berpelajaran rendah juga tidak mengetahui cara untuk mendidik anak mereka menulis dengan kemas. Ini menyebabkan murid tidak terdedah dengan kemahiran menulis. Semasa murid-murid tersebut berada di prasekolah, guru mereka mengajar murid-murid menguasai kemahiran menulis secara satu langkah demi satu langkah. Apabila mereka memasuki sekolah rendah, murid-murid hanya memerhati guru mereka menulis di papan hitam. Hal ini disebabkan kebanyakan murid Tahun 3 berpendapat mata pelajaran Bahasa Cina adalah subjek yang sukar untuk dipelajari dan tulisan Bahasa Cina adalah rumit dan sukar ditulis serta mempunyai “bi shun” yang banyak yang sukar untuk dipelajari.


Bilangan murid yang telah menulis dengan teknik yang betul dan salah berdasarkan latihan yang telah diberikan selepas kaedah ansur maju dilaksanakan telah direkodkan. Tujuannya adalah untuk mengetahui kesan kaedah ansur maju dalam memperbaiki tulisan murid. Secara keseluruhannya, kaedah ansur maju yang digunakan berjaya memperbaiki tulisan murid. Bilangan murid yang dapat menulis tanpa kesilapan selepas kaedah ansur maju dijalankan ialah 18 orang [80 peratus (%)]. Rajah 10 hingga 15 menunjukkan antara hasil tulisan murid selepas kaedah ansur maju dilaksanakan.




Rajah 10: Menulis “bi shun”betul




Rajah 11: Menulis saiz perkataan sesuai




Rajah 12: Ruang betul antara perkataan



Rajah 13: Menulis rangkaian kata



Rajah 14: Menulis ayat mudah



Rajah 15: Menyalin perenggan

Kajian diteruskan selepas kaedah ansur maju dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada murid. Tujuan borang soal selidik diedarkan adalah untuk membolehkan murid-murid menyatakan pandangan dan pendapat mereka tentang kaedah ansur maju yang dijalankan. Berdasarkan analisis soal selidik tersebut, didapati lebih daripada 80% murid berpendapat kaedah ansur maju yang digunakan dapat membantu mereka menumpukan perhatian, membantu meningkatkan motivasi ketika menulis, membantu memperbaiki kesilapan yang dilakukan semasa menulis, kaedah ansur maju yang digunakan baik dalam membantu meningkatkan minat untuk menulis, kaedah yang digunakan baik dalam membantu mereka menulis dengan bersungguh-sungguh, baik dalam membantu menghasilkan tulisan yang kemas dan teratur, membantu mereka lebih menyukai mata pelajaran Bahasa Cina dan baik dalam membantu mereka memupuk minat menulis perkataan Bahasa Cina.

Pemerhatian terhadap murid untuk mengetahui sama ada kaedah ansur maju digunakan dalam kalangan murid juga dilaksanakan. Analisis borang pemerhatian mendapati lebih daripada 80% murid menarik minat murid, meningkatkan motivasi, membolehkan murid memberi maklum balas,



meningkatkan penglibatan murid secara aktif, dan berjaya membaiki tulisan mereka daripada cakar ayam kepada tulisan yang kemas dan teratur.

Kajian ini selesai dilaksanakan pada 20 September 2008. Saya berasa cukup gembira kerana usaha saya selama ini telah menunjukkan kejayaan walaupun masih terdapat sebilangan murid yang masih mempunyai tulisan cakar ayam. Semasa menjalankan kajian tindakan ini, saya juga telah menghadapi masalah kekangan masa. Saya tidak mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan kaedah ini kerana khuatir mengganggu pelajaran murid. Selain itu, saya juga menghadapi masalah kekurangan sumber maklumat kerana kemudahan sumber maklumat yang terhad. Sebagai jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi, saya telah berbincang dengan guru pembimbing dan pensyarah pembimbing saya. Mereka telah memberi banyak pendapat, cadangan serta bahan rujukan kepada saya untuk membolehkan kajian saya diteruskan.

Melalui kajian ini, saya telah banyak menimba ilmu pengetahuan dari segi penyelidikan yang akan membantu saya ke arah peningkatan profesion saya pada masa hadapan. Kebaikan kaedah ansur maju yang dijalankan dalam kalangan murid Tahun 3 ialah ia berjaya membaiki tulisan kebanyakan murid-murid berkenaan agar menjadi kemas dan teratur. Batasan kajian ini ialah ia hanya melibatkan peserta dalam kalangan murid Tahun 3 dari satu kelas dan dari sebuah sekolah sahaja. Dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan untuk kelas dan sekolah yang dikaji dan tidak kepada keseluruhan kanak-kanak sekolah rendah.

## **5.0 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa majoriti murid Tahun 3 berpandangan bahawa kaedah ansur maju yang digunakan sesuai dalam membaiki tulisan mereka. Kebanyakan murid berpendapat bahawa kaedah ansur maju berkesan dalam membaiki tulisan mereka yang cakar ayam. Menurut Lucas (1980), kaedah atau strategi pengajaran yang sesuai adalah penting dalam pengajaran tulisan murid sekolah rendah. Kebanyakan murid Tahun 3 dapat melibatkan diri secara aktif semasa kaedah ansur maju dijalankan dan mereka berjaya menulis dengan lebih kemas dan teratur berbanding dengan tulisan sebelum kaedah ansur maju dijalankan. Menurut Sasson (1990), kemahiran menulis memerlukan pendekatan pengajaran yang sistematik kerana pendekatan pengajaran yang sistematik bukan sahaja memudahkan pengajaran tetapi juga memudahkan pembelajaran. Kanak-kanak yang diajar menulis dengan cara yang betul akan merasa selesa dan seronok untuk menulis. Memandangkan sekolah adalah tempat murid menimba ilmu, maka adalah agak sumbang jika didapati anak murid mempunyai tulisan yang cakar ayam dan tidak teratur. Maka, pelbagai langkah yang berkesan harus diambil untuk mengatasi masalah ini.

## Bibliografi

- Berninger, V., Yates, C., Cartwright, A., Rutberg, J., Remy, E. & Abbott, R. (1992). Lower-level developmental skills in beginning writing. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 4, 257-280.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Carlson, K. & Cunningham, J. L. (1990). Effect of pencil diameter on the graphomotor skill of preschoolers. *Early Childhood Research Quarterly*, 5(2), 279-293.
- Gan Teck Hock (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: Satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, 2(1), 68-85.
- Jeffery anak Menggu (2003). *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003*, 8-9 Oktober 2003. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Semarahan & Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.
- Stout, K. L. (1998). *How to teach handwriting*. Dimuat turun daripada <http://www.designastudy.com/teaching/tips-1198.html> pada 13 Ogos 2008.
- Lamme, L. L., & Farris, P. (1994). *Authentic assessment of children's handwriting*.
- Levine, M. D. (1987). *Developmental variation and learning disorders*. Cambridge, Massachusetts: Educators Publishing Service, Inc.
- Levine, M. D. (1994). *Educational care: A system for understanding and helping children with learning problems at home and in school*. Cambridge, Massachusetts: Educators Publishing Service Inc.
- Moore, V. & Law, J. (1990). Copying ability of preschool children with delayed language development. *Developmental Medicine and Child Neurology*, 32(3), 249-257.
- Sassoon, R (1983) *The practical guide to children's Handwriting*. Great Britain: Thames and Hudson.

Sassoon, R. (1990). *Handwriting: The way to teach it*. Cheltenham: Stanley Thornes.

Tiada pengarang. (t.t.) *Membaiki tulisan murid*. Dimuat turun daripada <http://mfrstudio.board-realtors.com/arkib-f22/membaiki-tulisan-t67.htm> pada 12 Januari 2009.

Tseng Mei Hui, & Cermak, S. (1991). The evaluation of handwriting in children. *Sensory Integration Quarterly*, 19(4), 1-6.

Ziviani, J. (1983). Qualitative change in dynamic tripod grip between seven and fourteen years old. *Developmental Medicine and Child Neurology*, 25, 778-782.